

Juhar, Norlidah hadiri makan malam graduan UMS

UB 25.11.2013 A3

KOTA KINABALU: Yang Dipertua Negeri merangkap Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Tun Juhar Mahiruddin dan Isteri Toh Puan Norlidah RM Jasni menghadiri Majlis Makan Malam Untuk Meraikan Para Graduan Cemerlang UMS sempena Konvokesyen UMS Ke-15, yang diadakan di Istana Negeri, malam Sabtu.

Seramai enam orang graduan cemerlang daripada pelbagai bidang yang diberikan beberapa anugerah pada Majlis Konvokesyen UMS ke-15 itu telah diraikan pada majlis berkenaan, yang kali kedua diadakan pada tahun ini.

Mereka adalah Penerima Anugerah Pelajar Diraja



NUR Syazwani Yussof (kanan) menerima saguhati yang disampaikan oleh Juhar.



JUHAR menyampaikan saguhati kepada Rodtney Herrera Jamie (kanan), sambil diperhatikan oleh Harun (kiri).

(Bumiputera), Nur Syazwani Yussof daripada Program Pendidikan dengan Sains, Sekolah Pendidikan dan

Pembangunan; Jong Lin Wei daripada Program Bioteknologi, Sekolah Sains dan Teknologi yang menerima

Anugerah Pelajar Diraja (Bukan Bumiputera); Tan Mei Ling daripada Program Doktor Perubahan, Sekolah

Perubatan yang telah berjaya mendapat Anugerah Pingat Emas Canselor.

Selain itu, Penerima Anugerah Pingat Emas Naib Canselor, Goh Kay Mint daripada Program Doktor Perubatan; Roselin Lye Shu Mei yang berjaya menerima Anugerah Pingat Emas Alumni serta Rodtney Herrera Jamie, penerima Anugerah Hadiah Zainal Abidin Bador.

Turut hadir, Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar, Datuk Seri Panglima Masidi Manjun; Pro Canselor UMS, Tan Sri Yeoh Tiong Lay; Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah; Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Profesor Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur serta pegawai-pegawai kanan UMS.



PARA graduan cemerlang UMS bersama tetamu kehormat yang lain merakamkan gambar kenangan bersama Juhar dan Norlidah.